



### K10 dan K11 Pertahan Gelaran Johan FESTIK 2010 UPM



*Kolej 10 dan 11 meraikan kemenangan mereka yang mencatat sejarah kali pertama johan dua kali berturut-turut.*

**SERDANG, 13**— Teater berjudul 'Vakum' yang diwakili oleh Kolej 10 dan Kolej 11 berjaya mempertahankan kejuaraan Festival Teater Interkolej (FESTIK) 2010 Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk kali kedua berturut-turut di sini.

Naskhah 'Vakum' karya Allayharham Anuar Nor Arai itu turut memenangi 4 anugerah iaitu Arahan / Adaptasi Terbaik, Teknik Persembahan Terbaik, Penataan Audio / Muzik Terbaik dan Pencahayaan Terbaik.

Pengarah Vakum, Khairul Amin Mirsa Hussain, 23, berkata kemenangan itu mencatat sejarah FESTIK kerana buat kali pertama sebuah produksi kolej berjaya menjuarainya selama dua tahun berturut-turut.

"Saya berasa sangat gembira di atas kemenangan ini kerana saingan sengit dari Kolej Kelima dan Kolej Ketujuh Belas. Ini membuktikan persiapan sejak bulan Januari dengan mengadakan latihan hampir setiap hari adalah berbaloi.



*Khairul Amin Mirsa Hussain berkata kemenangan itu mencatat sejarah FESTIK kerana buat kali pertama sebuah produksi kolej berjaya menjuarainya selama dua tahun berturut-turut.*

"Teater ini mengisahkan seorang tua yang mencipta dunia baru iaitu vakum kerana tidak percaya dengan dunia realiti yang telah menjerat seorang lelaki muda dan perempuan muda.

"Walaupun cuba diyakinkan oleh seorang perempuan tua supaya kembali ke dunia realiti

namun lelaki tua itu tidak menghiraukannya menyebabkan mereka berempat terperangkap dalam dunia vakum tersebut,” katanya.

Pemenang Pendukung Watak Lelaki Utama Terbaik dari Kolej 17, Muhammad Syakiron Abdullah, 20, berkata beliau berterima kasih kepada semua krew produksi yang banyak memberikan sokongan moral sepanjang pementasan berlangsung.



*Nadirah Hamid gembira dapat pertahankan gelaran Pemenang Pendukung Watak Wanita Utama Terbaik.*

Pemenang Pendukung Watak Wanita Utama Terbaik dari Kolej Kelima, Nadirah Hamid, 22, berkata beliau tidak menyangka akan mempertahankan gelaran yang sama tahun ini kerana mendapat saingan sengit daripada pelakon lain.



*Pendukung watak lelaki utama terbaik, Muhammad Syakiron Abdullah dari Kolej Ketujuh Belas.*

“Pengarah selalu mengingatkan supaya tanamkan fikiran untuk menang kerana ia akan menjadikan lakonan saya nampak meyakinkan di mata penonton dan juri,” katanya yang akan mewakili UPM dalam pertandingan teater peringkat universiti.

Naib johan dimenangi oleh Kolej 17 yang membawa teater ‘Aghi Ni Jadi Jjaha’ sementara Kolej Kelima di tempat ketiga dengan teater ‘Jerjak’.

Tahun ini merupakan tahun kelima FESTIK dianjurkan di bawah kelolaan Kelab PENTAS yang menawarkan 19 anugerah kepada 16 kumpulan yang bertanding bermula dari 23 Februari sehingga 11 Mac 2010 di Panggung Percubaan UPM.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof. Dr. Azali Mohamed ditemani oleh Ketua Pentadbiran Hal Ehwal Pelajar, Jamsari Tamsir dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Muhazam Mansor.

Keputusan penuh FESTIK 2010 :

- 1) Johan : K10 dan K11 – Vakum
- 2) Naib Johan : K17 – Aghi Ni Jadi Jjaha
- 3) Ketiga : K5 – Jerjak
- 4) Anugerah Khas Juri : K16 – Sarah
- 5) Arahan / adaptasi terbaik : K10 dan K11 – Vakum
- 6) Pendukung watak lelaki utama terbaik : Muhammad Syakiron Abdullah, K17 – Aghi Ni Jadi Jjaha
- 7) Pendukung watak wanita utama terbaik : Nadirah Hamid, K5 – Jerjak
- 8) Pendukung watak lelaki pembantu terbaik : Muhammad Ridzuan Mohd Radzi, K17 - Aghi Ni Jadi Jjaha
- 9) Pendukung watak wanita pembantu terbaik : Fatin Najlaa Malik, K5 - Jerjak
- 10) Pendukung watak lelaki harapan : Nizam Shah Che Udat, K12 – Pompuan Dot Dot
- 11) Pendukung watak wanita harapan : Norhafizah Aliakbar, K12 - Pompuan Dot Dot
- 12) Persembahan lakonan berkumpulan terbaik : K6 – Raja Lawak
- 13) Teknik persembahan terbaik : K10 dan K11 – Vakum
- 14) Penataan bunyi terbaik : K10 dan K11 – Vakum
- 15) Penataan cahaya terbaik : Seta K10 dan K11 – Vakum
- 16) Rekaan busana dan tatarias terbaik : K6 – Raja Lawak
- 17) Rekaan set terbaik : KTDI – Menanti Puteri Hijau
- 18) Publisiti terbaik : KMR - Rukh
- 19) Anugerah Khas PENTAS (Komitmen dan kerjasama terbaik) : K2 – Apa-apa

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.  
(Hazwan Faisal Mohamad, 03-89466013).**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia